

# Panduan untuk Kisah Kejayaan

## Guide for Success Stories

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyalia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

*The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (P1M).*

### Types of Success Story (please tick (\) one)

- Keusahawanan
- Celik ICT / Komuniti Pintar

### Service Provider (please tick (\) one)

- |   |  |
|---|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> Telekom Malaysia (TM) | <input type="checkbox"/> Packet 1 (P1) |
| <input type="checkbox"/> Celcom                           | <input type="checkbox"/> Time          |
| <input type="checkbox"/> Maxis                            | <input type="checkbox"/> Redtone       |
| <input type="checkbox"/> Digi                             | <input type="checkbox"/> Danawa        |

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT			
Maklumat PI1M	<b>Nama PI1M</b>	PI1M TAMAN MURAI JAYA		
	<b>Nama Pengurus</b>	FAEZAH NOOR BINTI MISNON	<b>No. Telefon</b>	013-7160695
	<b>Nama Penolong Pengurus</b>	NUR AZIEANA ZAZALI	<b>No. Telefon</b>	019-7205234
	<b>Email</b>	tamanmuraijaya@pi1m.com.my		
Lokasi	<b>Daerah</b>	ALOR GAJAH	<b>DUN</b>	DURIAN TUNGGAL
	<b>Mukim</b>	DURIAN TUNGGAL	<b>Parlimen</b>	P135 ALOR GAJAH
	<b>Negeri</b>	MELAKA		

ITEM JENIS		INFORMATION MAKLUMAT			
Maklumat Individu/ Organisasi	<b>Nama</b>	Muhammad Adam Haris	<b>Umur</b>	12 Tahun	
	<b>Email</b>	TIADA	<b>No. Telefon</b>	Tiada	
	<b>Alamat</b>	Taman Krubong Permai, Krubong, Melaka.	<b>Tahun menjadi Ahli PI1M</b>	28/2/2017	
Bentuk perniagaan	TIADA				
Kisah kejayaan	<p><b><u>Latar belakang</u></b></p> <p>Muhammad Adam Haris merupakan pelajar yang berusia 12 tahun yang menetap di Krubong dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Krubong, Melaka. Pada mulanya beliau telah datang bersama ayahnya ke Pusat Internet 1Malaysia untuk menggunakan komputer untuk membuat kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya dengan membuat folio geografi. Beliau tidak pandai menggunakan komputer dan internet untuk mencari bahan untuk di masukkan di dalam folio kerja sekolah beliau.</p> <p><b><u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u></b></p> <p>Beliau telah datang ke Pusat Internet 1Malaysia Taman Murai Jaya kerana ingin belajar menggunakan Microsoft Office dan Internet untuk mencari sumber maklumat yang di perlukan oleh gurunya. Walaupun di temani ayahnya, akan tetapi ayahnya turut tidak dapat membantu beliau. Oleh itu, ayahnya telah meminta bantuan petugas untuk membantu anak beliau dalam mencari maklumat di internet dan memasukkannya di dalam Microsoft Word. Ini kerana di sekolah beliau tidak mendapat pendedahan sepenuhnya. Maka, ayahnya telah mendaftarkan beliau menjadi ahli Pusat Internet 1Malaysia Taman Murai Jaya untuk belajar komputer dan asas internet.</p> <p><b><u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u></b></p> <p>Beliau telah datang ke Pusat Internet 1Malaysia Taman Murai Jaya setiap hari Ahad untuk menghadiri kelas Intel Easy Step. Pada mulanya beliau di ajar mengenal fungsi dan kelebihan komputer terlebih dahulu dan seterusnya belajar mengenal fungsi papan kekunci dan belajar menggunakan symbol dan menaip menggunakan notepad. Latihan juga di berikan kepada beliau agar mudah di ingati dan faham setiap apa yang di ajar oleh petugas.</p>				

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT												
	<p>Beliau juga diajar menggunakan Microsoft Word dan bagaimana mencari maklumat di internet dan menyalinkan semula di Microsoft Word. Belajar memasukkan gambar dan sebagainya. Kini, jika beliau datang ke Pusat Internet untuk membuat folio beliau boleh membuatnya sendiri tanpa bantuan dari petugas Pusat Internet.</p> <p>Selain belajar menggunakan aplikasi di dalam Microsoft Office beliau juga telah diajar menggunakan asas pengenalan internet iaitu cara mendaftar email, bagaimana mencari maklumat yang diperlukan di dalam enjin carian seperti Google, menyalin maklumat serta muat naik ke dalam folder.</p>												
Penggunaan PI1M	<p><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar asas menggunakan komputer (pengenalan kepada komputer).</li> <li>• Mengikuti kelas Intel Easy Step.</li> <li>• Belajar mencari maklumat menggunakan enjin carian google.</li> <li>• Mengikuti kelas asas penggunaan internet.</li> <li>• Memasuki web yang berdasarkan pelajaran bagi membantu beliau mengulangkaji pelajaran</li> </ul> <p><u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan tugas selepas habis kelas berkaitan topik yang dipelajari pada hari tersebut supaya lebih mahir</li> </ul>												
Online Platform	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;"><b>Laman Web</b></td><td style="padding: 5px;">Tiada</td><td style="padding: 5px;"><b>Blog</b></td><td style="padding: 5px;">Tiada</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;"><b>FB</b></td><td style="padding: 5px;">Tiada</td><td style="padding: 5px;"><b>Instagram</b></td><td style="padding: 5px;">Tiada</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;"><b>Whatsapp</b></td><td style="padding: 5px;">Tiada</td><td style="padding: 5px;"></td><td style="padding: 5px;"></td></tr> </table>	<b>Laman Web</b>	Tiada	<b>Blog</b>	Tiada	<b>FB</b>	Tiada	<b>Instagram</b>	Tiada	<b>Whatsapp</b>	Tiada		
<b>Laman Web</b>	Tiada	<b>Blog</b>	Tiada										
<b>FB</b>	Tiada	<b>Instagram</b>	Tiada										
<b>Whatsapp</b>	Tiada												

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Gambar & Keterangan	<p>i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawanan yang dihadiri</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"><p>Petugas memerhatikan Adam haris sedang mengisi jawapan berkaitan komputer di dalam buku Intel Easy Step.</p></div>
	<p>ii) Produk / Hasil Transformasi</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"><p>Petugas memberikan tunjuk ajar dan membantu Adam Haris menaip tugasan di dalam buku Intel Easy Step.</p></div>
	<p>iii) Lain-lain (contoh : proses penghasilan produk, penglibatan dalam aktiviti lain, dsb)</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p>Tunjuk ajar di berikan kepada Adam untuk mengenal fungsi dan kelebihan komputer.</p>  <p>Kelas ICT yang dilihat oleh beliau bagi memahirkan lagi penguasaan Microsoft Word.</p>
<b>Maklumbalas</b>	Ayah kepada Muhammad Adam Haris berasa berpuas hati dengan pencapaian yang di perolehi anak beliau sejak belajar di Pusat internet 1Malaysia. Dengan keadaan persekitaran yang lebih selesa, luas, kemas dan mempunyai banyak kemudahan lain selain komputer. Selain itu, boleh mempelajari Asas pengenalan komputer secara percuma dengan hanya menjadi ahli serta dapat belajar mengikut masa yang sesuai.